

ARKIB : 18/01/2011

### **Bas UiTM terbabas: enam pelajar cedera**

TAPAH 17 Jan. - Seramai 35 pelajar perempuan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Arau, Perlis nyaris maut apabila bas yang mereka naiki terbabas ke dalam longkang di Kilometer 334.1, Lebu Raya Utara Selatan dekat sini, awal pagi ini.

Dalam kejadian kira-kira pukul 4.15 pagi itu, enam pelajar serta pemandu dan pemandu kedua bas tersebut mengalami cedera ringan manakala selebihnya tidak mengalami kecederaan.

Ketua Polis Daerah, Supritendan Roslan Bek Ahmad berkata, ketika kejadian, semua pelajar berkenaan dalam perjalanan pulang ke UiTM Arau selepas menghadiri program keusahawan anjuran sebuah koperasi di Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

"Sebaik sahaja tiba di tempat kejadian, bas tersebut dikatakan gagal dikawal lalu terbabas ke dalam longkang di tepi lebu raya.

"Kesemua mangsa yang cedera mendapat rawatan pesakit luar di Hospital Tapah dan dibenarkan keluar tengah hari ini," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Roslan Bek berkata, kesemua pelajar tersebut kemudian dihantar pulang ke UiTM Arau menggunakan sebuah bas lain.

Sementara itu, seorang saksi kejadian, M. Sureh, 29, yang bertugas di Kementerian Dalam Negeri (KDN) Putrajaya memberitahu, dia ternampak bas tersebut dipandu dalam keadaan terhuyung-hayang sebelum terbabas.

Katanya, pada masa itu, dia bersama dengan beberapa kakitangan KDN lain dalam perjalanan ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak di Ipoh.

"Bas itu memotong kenderaan saya dalam keadaan terhuyung-hayang dan kemudian memotong sebuah lori sebelum terbabas ke dalam longkang di tepi lebu raya.

"Saya dan pemandu lori tersebut kemudian memberhentikan kenderaan untuk membantu penumpang-penumpang bas tersebut," katanya.